

24/08/2002

RTM beri lebih ruang kepada ulama

Sariha Mohd Ali

KUANTAN, Jumaat - Radio Televisyen Malaysia (RTM) akan memberi ruang lebih luas kepada ulama untuk memberi pandangan berhubung isu semasa termasuk yang berkaitan agama bagi mengelak timbul salah faham di kalangan rakyat.

Ulama yang dijemput bukan saja dari negara ini, malah membabitkan ulama asing yang mempunyai kepakaran dalam bidang itu.

Ini satu cara memberi peluang kepada penonton mengetahui sesuatu isu dengan lebih mendalam kerana ia dijelaskan oleh mereka yang benar-benar arif, sekaligus menolak tanggapan kononnya isu agama hanya boleh diulas golongan tertentu saja.

Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob, berkata ia juga antara usaha kerajaan mengelak perpecahan di kalangan umat Islam, kerana penyelewengan berhubung ajaran Islam boleh mempengaruhi rakyat bawahan.

Beliau berkata, kejadian di Terengganu membabitkan perebutan mengimamkan solat Jumaat di Masjid Kampung Losong Haji Mohd Shafie oleh Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri (DUN) Terengganu, Datuk Hussain Awang, ketika Perdana Menteri bersolat di situ minggu lalu, perlu dijadikan pengajaran.

Katanya, kejadian seumpama itu mungkin kes terpinggir tetapi jika tiada usaha awal membanterasnya, ia boleh menular ke tempat lain.

"Selain media perdana yang boleh dijadikan rujukan berkaitan isu tertentu termasuk hal agama, kita juga akan memberi lebih ruang kepada ulama termasuk dari luar negara memberi pandangan mereka.

"Ulama yang dijemput pula tidak semestinya berada dalam satu organisasi kerana ulama bebas memberi pandangan kepada pendengar dan penonton.

"Kita mahu mengelak kejadian di Terengganu berulang kerana bagi kita, sesiapa yang diberi tauliah membaca khutbah atau menjadi imam, mereka memang berkecualan memikul tugas itu," katanya selepas merasmikan Pelancaran Ekspo Kumpulan Pembaca, Pendengar dan Penonton (K3P) peringkat negeri di Kompleks Pelancongan Balok di sini, hari ini.

Turut hadir, Timbalan Menteri Besar, Datuk Tan Mohd Aminuddin Ishak dan Pengerusi Jawatankuasa Dakwah Islamiah, Penerangan dan Tugas-tugas Khas Pahang, Ahmad Munawar Abdul Jalil.

Dalam kejadian Jumaat lalu, imam masjid itu, Mohamad Nor Abu Bakar, tidak sempat mengimamkan solat Jumaat di situ selepas selesai membaca khutbah, kerana tugas itu diambil alih oleh Hussain.

Mohamad terpaksa memberi laluan kepada Hussain bagi mengelak kejadian tidak diingini, kerana antara makmumnya ialah Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Khalil berkata, kerajaan tidak pernah menjadikan kriteria berhubung latar belakang atau pegangan politik individu tertentu sebagai syarat dilantik iman, sebaliknya peluang diberi kepada mereka yang layak.

Beliau berkata, apa yang dilakukan pembangkang di Terengganu itu lebih bersifat politik dan perkara itu tidak seharusnya berlaku.

"Kita tidak perlu membawa imam lain kerana tindakan itu seolah-olah tidak mengiktiraf imam sedia ada, malah menjadi satu penghormatan kepada imam yang membaca khutbah dan mengimamkan solat jika ia turut dihadiri pembesar negara.

"Kejadian itu juga kerana ada unsur politik, sedangkan tauliah yang diberi kepada imam dilakukan tanpa mengambil kira pegangan politik mereka, asalkan mendapat kepercayaan masyarakat," katanya.

Sementara itu, Khalil berkata kajian menunjukkan pendedahan isu semasa secara terus kepada rakyat, menerusi program K3P, memberi kesan lebih baik

kerana rakyat dapat memahaminya.